



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## **TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL  
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA  
MAJLIS RAMAH MESRA YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI  
MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT BERSAMA KUMPULAN SASAR KPWKM**

**2 JULAI 2018 (ISNIN)  
BERSAMAAN 18 SYAWAL 1439 HIJRAH**

**KPWKM, PUTRAJAYA**

(*Salutasi*)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera,

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/Ketua-ketua jabatan/tuan/puan, hadirin-hadirat yang dihormati sekalian,

## **MUKADIMAH**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran sama-sama kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin serta rahmat-Nya, kita dipertemukan dalam Majlis Ramah Mesra sempena Hari Raya Aidilfitri bersama kumpulan sasar Kementerian pada bulan Syawal ini, bulan yang melambangkan kemenangan dan kegembiraan.
2. Di kesempatan yang penuh keberkatan ini juga, saya ingin mengambil peluang merafakkan doa ke hadrat Ilahi dan masih belum terlewat untuk saya mengungkapkan kalimah tahniah kepada semua umat Islam yang menyambut Aidilfitri pada tahun ini dengan ucapan "***Kullu Am Wa Antum Bikhair***".
3. **Tema "Mengekalkan Roh Ramadhan"** diangkat menjadi tema Hari Raya Aidilfitri, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada tahun ini.
4. Tarbiah Ramadhan mempunyai empat objektif utama iaitu untuk mendidik kesabaran, mendidik disiplin, mendidik kejujuran dan

mendidik kepedulian terhadap sesama kita. Tarbiah yang dilalui diharap dapat memberi satu kesan yang signifikan dalam kehidupan kita dengan menghayati Islam sebagai agama yang syumul. Apabila menjelang Aidilfitri, umat Islam menjadi suci daripada dosa kerana madrasah Ramadhan telah menyucikan dan membersihkan segala dosa kita. Namun, jangan lah kita kecundang dan gagal mendapat pengiktirafan madrasah Ramadhan apabila kita kembali kepada sikap-sikap negatif yang diamalkan sebelum Ramadhan.

5. Pengekalan roh Ramadhan ini seharusnya diterapkan ke dalam struktur organisasi KPWKM. Kunci utama organisasi terbilang dan cemerlang adalah kerjasama dan bersatu hati tidak kira pangkat, bangsa, agama dan fahaman politik. Aidilfitri adalah medan terbaik untuk melupakan sengketa dan perselisihan faham dan seterusnya mengukuhkan kerjasama antara individu dan bahagian-bahagian di KPWKM. Ambillah peluang ini untuk kita bermaaf-maafan dan mengukuhkan lagi persahabatan sedia ada.

## **SAMBUTAN AIDILFITRI**

*Hadirin yang dihormati sekalian*

6. Dalam kemeriahan menyambut Syawal, umat Islam hendaklah meraikan dengan penuh kesederhanaan kerana Allah S.W.T telah memerintahkan kita untuk tidak boros menerusi firmanNya dalam Surah Al-Isra' ayat 26 dan 27 kerana sesungguhnya orang yang boros

itu adalah saudara syaitan dan syaitan itu sangat ingkar kepada Tuhannya. Bersederhanalah dalam berbelanja dan jangan mengamalkan gaya hidup yang melampaui kemampuan diri sendiri sehingga terperangkap dengan beban hutang sehingga mencetuskan pergolakan dalam institusi kekeluargaan. Di samping itu juga, elakkan daripada membazir makanan dan bersederhanalah dalam menyediakan juadah makanan.

7. Jika pada bulan Ramadhan, umat Islam berlumba-lumba untuk melakukan kebaikan dan membantu golongan yang kurang bernasib baik, budaya sebegini sewajarnya diteruskan walaupun Ramadhan telah berakhir. Golongan seperti keluarga daif dan miskin, orang kurang upaya, ibu tunggal, warga emas serta anak-anak yatim memerlukan pembelaan dan perhatian kita sepanjang masa dan tidak terhad pada bulan Ramadhan sahaja.
8. Kerajaan prihatin dengan keluhan dan kesulitan masyarakat dalam mendepani cabaran hidup pada masa kini. Komitmen dalam melaksanakan janji-janji Kerajaan sedang diusahakan bagi meringankan beban hidup masyarakat khususnya kumpulan sasar Kementerian, yang merangkumi golongan wanita terutamanya ibu tunggal, kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU), warga emas, keluarga, orang papa, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan mangsa bencana.

*Hadirin yang dihormati sekalian*

9. Tidak dinafikan, teknologi menjadi pelengkap kepada akses dunia tanpa sempadan. Tambahan pula, dengan kemunculan Revolusi Industri 4.0 telah merancakkan lagi kemajuan dan mencorakkan landskap dunia moden. Namun di sebalik peluang dan manfaat besar perkembangan teknologi terbaru ini kepada kemajuan manusia, janganlah kita menyalahgunakan teknologi sehingga membawa kepada perkara-perkara yang sia-sia dan merugikan.
  
10. Ledakan teknologi maklumat yang luar biasa menyebabkan kita lupa kaedah berinteraksi terus dengan orang-orang terdekat termasuk ahli keluarga. Justeru, perkembangan teknologi pada hari ini harus diurus dengan baik agar kemeriahan musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri tidak tercemar. Aidilfitri inilah masanya kita mendekatkan silaturrahim sesama ahli keluarga, saudara mara, jiran tetangga dan rakan taulan.

## **PENUTUP**

11. Saya tidak bercadang mengambil masa yang lama untuk berucap dalam majlis ini. Sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang sudi meluangkan masa untuk sama-sama memeriahkan majlis pada petang ini dan tahniah juga diucapkan kepada semua pihak yang bertungkus-lumus untuk menjayakan Majlis Ramah Mesra bersama kumpulan sasar Kementerian pada hari ini.

12. Marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah S.W.T dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dalam melakukan segala suruhanNya dan meninggalkan segala laranganNya. Semoga komitmen kita semua di KPWKM dalam membela dan menjaga kebajikan kumpulan sasar menjadi satu ibadah yang diterima di sisi Tuhan. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.
  
13. Akhir kata, semoga kita semua dapat menghidupkan dan mengekalkan roh Ramadhan sepanjang tahun.

**Selamat Hari Raya Aidilfitri dan Maaf Zahir Batin.**